



| |
|----------------|
| KERATAN AKHBAR |
|----------------|

| | | | | | |
|-------------|---|------------------|------------|---|----|
| AKHBAR | : | KOSMO | | | |
| TARIKH | : | 2/9/2019 | MUKA SURAT | : | 16 |
| JABATAN | : | SPAN | | | |
| KLASIFIKASI | : | PERHATIAN | | | |

Bekalan air di penjara Sungai Buloh pulih

KUALA LUMPUR - Gangguan bekalan air di Penjara Sungai Buloh sejak Selasa lalu akibat paip pecah telah pulih dan rutin di penjara itu kembali seperti biasa.

Seorang jurucakap penjara itu ketika dihubungi *Bernama* berkata, bekalan air pulih semalam (kelmarin) apabila masalah kebocoran paip utama di situ ditangani oleh pihak berkenaan.

"Bekalan air telah pulih sepenuhnya pada 2 petang Sabtu. Tiada lagi kekurangan bekalan air seperti yang dilaporkan oleh media semalam (kelmarin)," katanya.

Beliau berkata, sepanjang tempoh gangguan, pihak penjara menerima bekalan air daripada Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) bagi kegunaan penghuni dan dapur penjara.

Sebuah portal berita melaporkan tentang masalah kekurangan air yang teruk di Penjara Sungai Buloh sejak enam hari lepas se-



BEKALAN air di Penjara Sungai Buloh pulih selepas mengalami gangguan sejak Selasa lalu.

hingga menyukarkan kehidupan penghuninya.

Laporan itu memetik seorang peguam, Hannan Ishak sebagai berkata, gangguan bekalan air itu menyukarkan penghuni penjara

untuk ke tandas, membersihkan diri dan menunaikan solat.

Hannan menceritakan tentang keadaan yang dialami oleh anak guamnya yang kini ditahan reman di penjara Sungai Buloh itu.